

# Sebuah Perjalanan

dari Desa ke Puncak Menara Gading



# *Sebuah* *Perjalanan*

dari Desa ke Puncak Menara Gading

**MOHD HARUN ABDULLAH**

**PENERBIT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

Kota Kinabalu • Sabah • Malaysia

<http://www.ums.edu.my>

2016

---

Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

**© Universiti Malaysia Sabah, 2016  
Cetakan Pertama, 2015  
Cetakan Kedua, 2016**

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dikeluarkan ke dalam sebarang bentuk sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sabah, kecuali seperti yang diperuntukkan dalam Akta 332, Akta Hak Cipta 1987. Keizinan adalah tertakluk kepada pembayaran royalti atau honorarium.

Segala kesahihan maklumat yang terdapat dalam buku ini tidak semestinya mewakili atau menggambarkan pendirian mahupun pendapat Penerbit Universiti Malaysia Sabah. Pembaca atau pengguna buku ini perlu berusaha sendiri untuk mendapatkan maklumat yang tepat sebelum menggunakan sebarang maklumat yang terkandung di dalamnya. Pandangan yang terdapat dalam buku ini merupakan pandangan ataupun pendapat penulis dan tidak semestinya menunjukkan pendapat atau polisi Universiti Malaysia Sabah. Penerbit Universiti Malaysia Sabah tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang masalah mahupun kesulitan yang timbul, sama ada secara menyeluruh atau sebahagian, yang diakibatkan oleh penggunaan atau kebergantungan pembaca terhadap kandungan buku ini.

Perpustakaan Negara Malaysia              Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohd. Harun Abdullah, Prof., Dr, 1961-

Sebuah Perjalanan dari Desa ke Puncak Menara Gading /

MOHD HARUN ABDULLAH.

Bibliography: page 165

ISBN 978-967-0521-54-1

1. Mohd. Harun Abdullah, Prof., Dr, 1961-, 2. Education--Sabah--Biography.

3. Autobiography. I. Judul

923.759521

Muka taip teks:              Centaur

Saiz taip teks dan *leading*:      11/14 poin

Diterbitkan oleh:              Penerbit Universiti Malaysia Sabah

Tingkat Bawah, Perpustakaan

Universiti Malaysia Sabah

Jalan UMS

88400 Kota Kinabalu, Sabah.

Dicetak oleh:              Gayawara Sdn. Bhd.

No. 2, Jalan Nountun, Tingkat Bawah, Wisma Capital

88450 Kota Kinabalu, Sabah.

# **Kandungan**

<i>Prakata</i>	vii
<i>Dedikasi</i>	ix
<b>BAB 1 ASAL USULKU</b>	<b>1</b>
<b>BAB 2 KEHIDUPAN DI DESA</b>	<b>7</b>
• Meninggalkan Kampung Gudon	
• Kampung Inanam Laut yang Indah Permai	
• Alam Desa yang Kurindui	
<b>BAB 3 HIJRAH KE KOTA</b>	<b>23</b>
• Tanjung Aru – Desa Baharuku	
• Kota Kinabalu – Kota yang Pernah Kukenali	
<b>BAB 4 ZAMAN PERSEKOLAHAN – MAKTAB SABAH</b>	<b>41</b>
<b>BAB 5 PERKHIDMATAN AWAL DALAM AGENSI KERAJAAN</b>	<b>49</b>
• Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah	
• Melanjutkan Pengajian	
• Kesukaran Mendapat Pekerjaan	
<b>BAB 6 PERPINDAHAN KE UKM</b>	<b>63</b>
• Langkah Pertama ke Kampus Sabah	
• Sarjana Secara Penyelidikan	
• Mimpi	
<b>BAB 7 DI AWAL UMS</b>	<b>75</b>
• Pindah ke UMS	
• Mengikuti Pengajian PhD	

<b>BAB 8</b>	<b>JAUH BERJALAN LUAS PANDANGAN</b>	<b>89</b>
	• Peluang Pertama ke Luar Negara	
	• Negara Kincir Angin dan Terusan Air	
	• Bumi Matahari Terbit di Sudut Hatiku	
<b>BAB 9</b>	<b>LAMBAIAN TANAH SUCI</b>	<b>101</b>
	• Umrah yang Istimewa	
	• Ibadah Haji	
<b>BAB 10</b>	<b>PENTADBIR DI FAKULTI</b>	<b>121</b>
<b>BAB 11</b>	<b>SEBAGAI NAIB CANSELOR</b>	<b>127</b>
	• Naib Canselor – Satu Amanah	
	• Satu Arah Satu Tujuan – Amanat Sulung	
	• Memperkasa Modal Insan	
	• Kecemerlangan Penyelidikan dan Inovasi	
	• Memperkuuh Penjanaan Pendapatan	
	• Mencorak dan Melakar Jenama Tersendiri	
	• Mengubah Idea Menjadi Realiti	
	• Peta Minda dan Inisiatif Baharu	
	• Pengalaman dan Cabaran	
<b>BAB 12</b>	<b>PENUTUP</b>	<b>161</b>
	<i>Rujukan</i>	<b>165</b>

## Prakata

# Sebuah Perjalanan

dari Desa ke Puncak Menara Gading

Cerita perjalanan hidupku yang dimuatkan dalam buku ini bukanlah bertujuan untuk menunjuk-nunjuk, kerana sedar dan insaf akan di mana kedudukan diri. Ia hanyalah ibarat setitik peristiwa dan sejarah seorang kerdil di tengah-tengah lautan yang sangat luas. Diceritakan dengan niat yang tulus ikhlas dan penuh kerendahan diri untuk dikongsi bersama dengan para pembaca, terutamanya generasi muda dengan harapan mungkin ada cerita yang boleh dijadikan teladan dan mungkin juga boleh dijadikan iktibar dalam kehidupan mereka seharian. Setiap orang punya laluan dan keadaan dalam menelusuri kehidupan di dunia ini. Sungguh aku amat sedar bahawa ramai lagi orang yang hebat dan memiliki kelebihan serta keistimewaan anugerah Ilahi.

Buku ini mempersembahkan perjalanan hidupku yang bermula di desa; suatu kehidupan yang daif dan serba kekurangan. Secara ringkas, kandungan penceritaan menyentuh keindahan dan keunikan suasana desa di sebalik kekurangannya. Berbekalkan nilai dan norma kesederhanaan, aku kemudiannya berhijrah ke kota bersama orang tuaku. Kota yang tenang dan damai ketika itu. Di situ lah aku membesar daripada zaman kanak-kanak hingga zaman remajaku; menghabiskan tempoh pendidikan rendah sehingga pendidikan menengah. Seterusnya masuk ke alam pekerjaan. Kemudian, menyambung pelajaran ke universiti. Setelah tamat pengajian, aku kembali ke Sabah dan bertugas dengan sebuah agensi Kerajaan Negeri. Pelbagai cabaran yang dilalui ketika itu tidak menjadi penghalang untuk

terus maju dalam kehidupan. Akhirnya aku beralih ke dunia akademik dan seterusnya meniti masa-masa mendatang sehingga ke puncak memimpin sebuah universiti awam di negeri Sabah.

Apa juga sifat dan keadaannya perjalanan masa itu, aku percaya setiap detik dan saat yang dilalui oleh seseorang insan ada pengalaman dan iktibarnya pada apa yang tersurat dan di sebalik yang tersirat. Semua itu merupakan catatan sejarah bagi mereka untuk diinsafi dan dipelajari. Sebagaimana seorang ahli falsafah Cina terkenal yang bernama Confucius pernah berkata, “*Pelajari masa silam jika hendak mencorak masa depan.*” Justeru, jadikanlah perjalanan hidup suatu perjalanan yang terindah; bukakan mata hati untuk menginsafi kelemahan diri, ikhlaskan hati untuk terus menyebar bakti. Semoga hari-hari yang bakal mendatang akan lebih bererti.

**Mohd Harun Abdullah**

---

## **Dedikasi**

*Buku ini aku dedikasikan kepada Ayah dan Emak yang telah memelihara, mendidik dan memberi kasih sayang kepadaku sejak kecil sehingga dewasa. Kehadiran kedua-dua mereka sesungguhnya telah memberi kekuatan kepada aku untuk menyiapkan penulisan buku ini. Semoga Allah SWT sentiasa merahmati dan melindungi kedua-dua mereka di dunia dan di akhirat. Amin.*

---

